



**TEKS UCAPAN
YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

**MAJLIS PELANCARAN PELAKSANAAN SURVEI PENDAPATAN &
PERBELANJAAN ISI RUMAH DAN KEMUDAHAN ASAS (HIES/ BA) 2022**

17 JANUARI 2022 (KHAMIS)

Bismillahirrahmanirrahim.

Yang dihormati saudari Pengacara Majlis (Encik Mohd Nasruddin bin Wahid)

YBhg. Datuk Saiful Anuar bin Lebai Hussien, Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi (EPU)

YBhg. Dato' Sri Mohd Uzir Mahidin, Ketua Pengarah Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

YBrs. Tuan Haji Abdul Halim bin Hamzah, Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Strategik (ICU) Jabatan Perdana Menteri

YBrs. Tuan Hamizam bin Abdulla Zabidi, Timbalan Pengarah, Seksyen Makro & Penswastaan, UPEN Selangor

Ketua-ketua kampung, ketua komuniti,

Yang Berbahagia Datuk/ Datin / Wakil Media / Tuan-Tuan / Puanpuan dan para hadirin sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera

UCAPAN ALUAN

1. Alhamdulillah, dengan izin Allah Subhana hu Wa Taa'la, dapat kita bersama-sama pada pagi ini dalam majlis Pelancaran Pelaksanaan Survei Pendapatan & Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/ BA) 2022.
2. Terlebih dahulu, setinggi-tinggi terima kasih diucapkan kepada Jawatankuasa Penganjur di atas kesudian menjemput saya bagi menyampaikan ucapan dan seterusnya merasmikan pelancaran Survei HIES/ BA 2022 ini.
3. Terima kasih kepada wakil Kerajaan Negeri Selangor yang turut bersama-sama menjayakan majlis pada pagi ini.

RMKE-12 DAN WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030

Para hadirin sekalian,

4. Rancangan Malaysia Kedua Belas atau RMKe-12, iaitu sebuah rancangan pembangunan sosioekonomi negara lima tahun yang merangkumi tempoh tahun 2021 sehingga 2025 telah dibentangkan oleh YAB Perdana Menteri pada 27 September 2021 dengan objektif Keluarga Malaysia - Makmur, Inklusif, Mampan.
5. RMKe-12 diujarkan dengan Agenda 2030 bagi Pembangunan Mampan di bawah Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 negara yang mempunyai tiga objektif utama iaitu:
 - Pembangunan untuk semua;
 - Menangani jurang kekayaan dan pendapatan; dan
 - Negara bersatu, makmur dan bermaruah.

6. RMKe-12 merupakan pelan pembangunan menyeluruh bagi memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan dengan pengagihan peluang dan hasil yang lebih saksama. Antara lain, tumpuan akan diberi kepada menangani jurang pendapatan dan kekayaan rakyat yang semakin melebar, membasmi kemiskinan dan mengurus kumpulan isi rumah berpendapatan 40% terendah (B40) termasuk golongan mudah terjejas (rentan ekonomi) dan terpinggir.
7. Berdasarkan Laporan Anggaran Pendapatan Isi Rumah dan Insiden Kemiskinan Malaysia 2020 yang diterbitkan pada 6 Ogos 2021, pendapatan isi rumah kasar bulanan purata menurun 10.3 peratus kepada RM7,089 pada tahun 2020 berbanding RM7,901 pada tahun 2019.
8. Penurunan ini disebabkan oleh kehilangan atau pengurangan pendapatan isi rumah ketika pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) untuk menangani pandemik COVID-19.
9. Pada masa yang sama, kedudukan pasaran tenaga buruh Malaysia juga terjejas teruk berikutan krisis kesihatan dan krisis ekonomi. Kadar pengangguran mencatat 4.5 peratus pada tahun 2020, iaitu tertinggi dalam sejak tahun 1993, di mana sebelum ini kadar pengangguran negara sentiasa berada di bawah 4.0 peratus.
10. Walau bagaimanapun, pasaran buruh beransur pulih pada tahun 2021, disokong oleh peralihan ke fasa Pelan Pemulihan Negara yang membenarkan lebih banyak aktiviti ekonomi beroperasi. Pada masa ini, semua negeri telahpun beralih ke Fasa keempat Pelan Pemulihan Negara. Kadar pengangguran telah menurun kepada 4.3 peratus pada bulan November 2021.

BANCI PENDUDUK DAN PERUMAHAN 2020

Para hadirin sekalian,

11. Pada kesempatan ini, saya juga ingin mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih atas kerjasama semua rakyat Malaysia dalam menjayakan Banci Penduduk dan Perumahan 2020. Alhamdulillah, dalam tempoh 482 hari ia dilaksanakan, sebanyak 9.5 juta tempat kediaman dan 8.1 juta isi rumah telah berjaya dibanci.

12. Data awalan menunjukkan sejumlah 32.3 juta penduduk Malaysia telah dibanci membabitkan 29.6 juta warganegara dan 2.7 juta bukan warganegara. Daripada jumlah tersebut,
 - 17.0 juta adalah etnik melayu (57.3 peratus);
 - 6.8 juta etnik Cina (22.9 peratus);
 - 1.9 juta etnik India (6.6 peratus);
 - 3.7 juta etnik bumiputera lain (12.4 peratus); dan
 - etnik lain sebanyak 237.7 ribu (0.8 peratus).

13. Manakala mengikut kumpulan umur:
 - 25.6 peratus adalah dalam kalangan umur (0-14 tahun);
 - 69.1 peratus penduduk umur bekerja (15-64 tahun);
 - 5.3 peratus berumur 65 tahun ke atas; dan
 - Penduduk paling tua yang direkodkan dalam Banci kali ini ialah 120 tahun bagi lelaki dan 118 tahun bagi wanita.

14. Dari segi kaedah pelaksanaan Banci pula:
 - 23.6 peratus penduduk dibanci secara dalam talian melalui e-Census dan melalui temu ramah telefon atau CATI; dan
 - selebihnya dilaksanakan secara bersemuka.

15. Berdasarkan penilaian perbandingan daripada 2010,
- purata saiz isi rumah bagi tahun 2020 telah mengecil daripada 4.3 kepada 4.0; dan
 - Nisbah jantina menunjukkan 106 orang lelaki bagi setiap 100 wanita di Malaysia.
16. Data muktamad Banci Malaysia 2020 akan dikeluarkan dalam bentuk laporan secara berperingkat bermula dari Februari 2022 sehingga 2024. Penerbitan pertama iaitu Penemuan Awalan Banci Malaysia 2020 yang antara lain, mengandungi profil terkini penduduk dan demografi mengikut negeri sehingga peringkat daerah akan diterbitkan pada Februari 2022.
17. Melalui Data Banci Malaysia 2020 ini, kajian mengenai taburan pendapatan, pendapatan isi rumah, disparity dari segi ekonomi, kemudahan asas, migrasi yang menyebabkan anak muda keluar ke bandar serta kesan kepada sektor ekonomi seperti perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dapat dicerap dan dicerna dengan lebih holistik.

FUNGSI JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA (DOSM)

Hadirin sekalian,

18. Dalam menghadapi situasi yang sangat dinamik, peranan DOSM sebagai Penjana Statistik Negara kekal relevan dan sentiasa mendepani dalam menyampaikan statistik mengikut keperluan utama negara.
19. Pandemik COVID-19 telah banyak mengajar kita mengenai norma baharu dalam menghadapi kehidupan seharian. Dalam hal ini DOSM berupaya menggembelng modal insan yang berinovasi dan berkemahiran tinggi untuk mengadaptasi teknologi baharu bagi penyampaian perkhidmatan yang berkualiti.

20. Kita semua tahu bahawa Kerajaan bertanggungjawab menggubal dasar untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat. Dengan statistik yang berkualiti, setiap dasar akan dapat digubal dengan lebih tepat yang mana akhirnya rakyat akan mendapat manfaat daripadanya.

Hadirin sekalian,

21. Selaras dengan aspirasi DOSM dalam penyediaan statistik terperinci demi membantu meningkatkan kesejahteraan rakyat, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan bagi membolehkan rakyat mendapat gambaran prestasi pembangunan sosioekonomi negara sehingga ke peringkat lokaliti secara holistik.

22. Dalam hal ini, selaras dengan perkembangan teknologi, DOSM telah menyediakan pelbagai platform capaian statistik termasuk aplikasi mudah alih dan dashboard mengikut keperluan pengguna. Antara platform yang telah dibangunkan oleh DOSM pada tahun 2021 adalah:

- Agricultural Analytical System
- Malaysia Economic Indicators Dashboard
- Job Market Insights Dashboard
- My Job Profile
- Malaysia Labour Market Interactive Data
- MyPrice Dashboard
- Aplikasi Mobil My Local Stats

23. DOSM juga sedang melaksanakan Pengukuhan Sistem Statistik Negara bertujuan untuk menambah baik sistem statistik negara yang sedia ada.

24. Justeru itu, Majlis Statistik dan Data Negara atau MSDN yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia telah ditubuhkan. Majlis ini berperanan untuk memberi panduan dan hala tuju dalam memantapkan sistem statistik

negara. Mesyuarat pertama Majlis Statistik dan Data Negara yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri akan diadakan pada 27 Januari 2022 ini.

SITUASI BANJIR

Hadirin sekalian,

25. Baru-baru ini, banjir besar telah melanda beberapa negeri termasuklah Lembah Klang.

26. Dalam merasai dugaan yang dihadapi ini, Kerajaan melalui Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah mengambil inisiatif menyediakan kajian menyeluruh impak banjir yang berlaku di negeri-negeri yang terkesan banjir.

27. Sehingga ini, dapatan kajian menunjukkan anggaran kerugian keseluruhan adalah di antara RM5.3 bilion dan RM6.5 bilion. Ini meliputi kerosakan:

- Tempat kediaman RM1.2 bilion hingga RM1.4 bilion;
- Premis perniagaan RM500 juta hingga RM600 juta;
- Kenderaan RM1.0 bilion hingga RM1.3 bilion;
- Pertanian RM40.9 juta hingga RM49.9 juta;
- Pembuatan RM800 juta hingga RM1.0 bilion; dan
- Aset awam & infrastruktur RM2.0 bilion.

DATA RAYA (BIG DATA)

Hadirin Sekalian,

28. Data Raya (Big Data) merupakan satu ledakan informasi yang seiring dengan pertumbuhan ekosistem penggunaan mobile dan data Internet.

29. Pelbagai jenis data daripada sistem dan peranti seperti sensor dan IoT (Internet of Things), media sosial seperti blog, facebook, twitter, video CCTV dan sebagainya telah menyokong pertumbuhan Data Raya yang besar.
30. Perkembangan fenomena Data Raya dan ketersediaan teknologi telah mendorong pertumbuhan inovasi baharu dan membuka ruang kepada agensi Kerajaan dan Swasta bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada rakyat.
31. Atas keperluan ini, Pusat Analitik Data Raya Negara atau NBDAC perlu diwujudkan bagi menyokong hasrat Kerajaan dalam memastikan setiap perancangan dan keputusan berlandaskan analitik data, selaras dengan inisiatif Digital dan Revolusi Perindustrian Keempat (4IR).
32. Pewujudan NBDAC membolehkan maklumat diproses secara pantas, real time dan tepat. Oleh itu, keputusan dapat dibuat dengan cepat, tepat dan berkesan.

SURVEI PENDAPATAN, PERBELANJAAN ISI RUMAH DAN KEMUDAHAN ASAS 2022

Hadirin sekalian,

33. Survei Pendapatan Isi Rumah atau HIS yang pertama telah dilaksanakan pada tahun 1973 bagi mengukur pendapatan dan kemiskinan rakyat di Semenanjung Malaysia. Pada tahun 1980, survei ini telah diperluaskan ke negeri Sabah dan Sarawak.
34. Survei ini mula dijalankan serentak bersama Survei Perbelanjaan Isi Rumah bermula pada tahun 2014/15 dan diadakan dua kali setiap lima tahun. Tahun ini adalah survei yang ke-20 dan ia dijalankan bermula pada Januari hingga Disember 2022.

Hadirin sekalian,

35. Survei kali ini melibatkan kira-kira 93 ribu isi rumah atau lebih kurang 500 ribu orang penduduk. Analisis daripada survei ini akan merangkumi peringkat nasional, negeri dan juga daerah.

36. Antara lain, objektif survei ini adalah untuk:

- (i) Mengkaji dan menyediakan maklumat pola pendapatan dan perbelanjaan isi rumah;
- (ii) Menyediakan statistik kemiskinan terutamanya kadar kemiskinan sehingga ke peringkat daerah pentadbiran;
- (iii) Mengenal pasti capaian kemudahan asas yang dinikmati oleh isi rumah dan
- (iv) Membantu kerajaan merancang dan memantau keberkesanan pelaksanaan rancangan pembangunan negara khususnya bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat.

PENUTUP

Para hadirin sekalian,

37. Saya ingin mengucapkan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh Keluarga DOSM di seluruh negara di atas sumbangan yang telah diberikan, begitu juga kepada seluruh rakyat Malaysia yang telah memberi kerjasama yang amat baik dalam banci dan survei yang telah dijalankan.

38. Statistik yang disediakan dapat membantu Kerajaan dalam merangka pelbagai perancangan khususnya ketika berhadapan dengan krisis.

39. Akhir kata, dengan lafaz Bismillah hir rahman nir rahim, saya merasmikan Pelancaran Pelaksanaan Survei Pendapatan & Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/BA) 2022.

Sekian, Wabillahi al-taufik walhidayah wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.